

16/10/1998

Ekonomi mampu pulih: PM

Zulkofli Jamaludin; Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan, kedudukan ekonomi negara diramal positif tahun depan dengan mencatat pertumbuhan sebanyak satu peratus.

Menurut Perdana Menteri, pertumbuhan positif itu bermakna pemulihan sebanyak 5.8 peratus, berbanding pertumbuhan negatif 4.8 peratus yang dicatatkan tahun ini.

Serentak itu, beliau yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata, kerajaan merancang memulihkan kemerosotan kewangan negara dengan meningkatkan ekonomi melalui pelaksanaan kewangan fiskal.

"Kedudukan kewangan negara dan strategi Belanjawan 1999 sudah tentu dipengaruhi oleh keadaan kewangan yang tidak begitu sihat dan kerajaan akan mengadakan belanjawan defisit," katanya.

Beliau memberitahu demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat wakil rakyat Barisan Nasional menjelang persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara, di sini hari ini.

Dalam perjumpaan itu, beliau menjelaskan mengenai kedudukan kewangan negara serta strategi Belanjawan 1999, yang dipengaruhi oleh keadaan ekonomi semasa.

Dalam Belanjawan 1998 tahun lalu, pertumbuhan ekonomi diunjur tujuh peratus dan kadar itu diturunkan kepada empat dan lima peratus ketika semakan semula pada Disember.

Bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi untuk dua suku tahunan sehingga Jun tahun ini negatif.

Perdana Menteri juga berkata, dalam belanjawan tahun depan, beberapa cukai baru akan diperkenalkan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

"Bagaimanapun, cukai baru bukanlah sesuatu yang membebankan rakyat," katanya.

Mengenai pelancongan, Dr Mahathir berkata, sektor itu terjejas teruk berikutan laporan negatif media asing mengenai masalah politik di negara ini baru-baru ini.

"Media asing menunjuk berulang kali demonstrasi di negara ini, seolah-olah ia berlaku secara berterusan disebabkan ketidakstabilan politik.

"Kita menghadapi masalah politik, bukan ketidakstabilan politik seperti dilaporkan," katanya.

(END)